

KERATAN AKHBAR

AKHBAR BERITA HARIAN

TARIKH : 23 DISEMBER 2014

TAJUK : TERKANDAS 10 HARI DI GUNUNG GAGAU

: PENGUKURAN SEMPADAN NEGERI KELANTAN - TERENGGANU

BH 23/12/2014



Sebahagian daripada 53 orang kakitangan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) yang terkandas di Gunung Gagau berjaya diselamatkan dan dibawa ke Jeti Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir, semalam.

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]

Terkandas 10 hari di Gunung Gagau

Kuala Berang: Sekumpulan 26 daripada 53 kakitangan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) yang terkandas 10 hari di Gunung Gagau, Tasik Kenyir ditemui selamat, tengah hari semalam.

Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Nor Mahathir Mohamad berkata, pihaknya menerima panggilan daripada kumpulan terbabit pada kira-kira jam 10 pagi kelmarin.

Katanya, pihaknya bersama 10 pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat

Kuala Berang serta tujuh anggota polis melancarkan misi menyelamat ke gunung terbabit, pagi semalam.

“Mangsa yang diselamatkan ini membabitkan 22 orang daripada JUPEM dan empat anggota PGA yang berpangkalan di Pengkalan Chepa, Kelantan.

Sambung operasi

“Kita akan menyambung operasi membawa keluar kumpulan kedua 27 orang lagi esok (hari ini) dan mereka akan bermalam di atas gunung itu malam ini,” katanya yang ditemui di jeti Pengkalan Ga-

wi, Tasik Kenyir, di sini semalam.

Timbalan Ketua Polis Daerah, Asisten Superintendan Mohd Rosli Mohd Amir berkata, pihaknya dimaklumkan mengenai pemergian mereka ke atas gunung terbabit untuk menjalankan kerja pengukuran sempadan negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang sejak 4 dan 5 Disember lalu.

Beliau berkata, mangsa dikatakan terkandas di atas gunung terbabit berikutan helikopter yang sepatutnya membawa mereka pulang, tidak dapat berlepas kerana cuaca buruk.

“Mangsa sepatutnya pulang 10 hari lalu, namun disebabkan masalah cuaca membuatkan mereka terkandas di atas gunung itu.

“Mereka bertekad berjalan turun kerana sudah kehabisan bekalan. Bagaimanapun, polis dan anggota bomba berjaya menemui kumpulan terbabit pada kira-kira jam 12.30 tengah hari tadi (semalam) di Sungai Cicir, kira-kira 12 kilometer dari lokasi puncak gunung,” katanya.

Mohd Rosli berkata, semua mangsa yang ditemui berada dalam keadaan selamat, namun keletihan.